

TEKS UCAPAN
YBHG DATO' YANG DIPERTUA MPSP
MAJLIS PEMBERIAN INSENTIF PROGRAM ORGANIK CCAC
DAN PERASMIAN PUSAT PENGUMPULAN KITAR SEMULA PARK
VIEW BUTTERWORTH
PARK VIEW, BUTTERWORTH
09 OGOS 2015, 3.00 PETANG

Yang Behormat Tuan Chow Kon Yeow

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud

Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Penduduk Park View, Wakil dari Taman Pandan dan Pangsa Tanjung Indah

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Selamat Petang

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana sudi menjemput saya ke Majlis Pemberian Insentif Program Organik CCAC dan Perasmian Pusat Pengumpulan Kitar Semula Park View Butterworth pada petang ini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Tuan Chow Kon Yeow yang sudi meluangkan masa untuk program pada petang ini.

Yang Berhormat, Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin sekalian,

Untuk makluman hadirin, MPSP amat berbangga kerana dipilih oleh *Climate and Clean Coalition/UNEP* bagi program pengurangan *Short Live Air Pollutants* iaitu Pengurangan Karbon Dioksida, Metana dan Karnon Hitam.

Perbadanan Pengurusan Park View, Taman Pandan dan Pangsa Tanjung Indah menunjukkan komitmen yang sangat tinggi dalam program penjagaan alam sekitar. Oleh itu, CCAC/UNEP telah memilih ketiga-tiga perbadanan pengurusan bangunan tinggi ini bagi

melaksanakan kajian pengurusan sisa organik dapur. Untuk makluman Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, pelancaran program telah diadakan seperti berikut iaitu pada :

- 12 Januari 2014 di Park View
- 19 Januari 2014 di Taman Pandan
- 11 Mei 2014 di Pangsa Tanjung Indah.

Program Sisa Organik CCAC / Bank Dunia ini merupakan satu sistem kitaran semula semua bahan untuk kegunaan yang lebih produktif serta mengelakkan pembaziran. Program ini diadakan bagi menggalakkan pengurusan dan reka bentuk produk yang dapat mengurangkan penghasilan jumlah sisa toksik disamping pemuliharaan dan pemeliharaan sumber serta tidak menggalakkan pelupusan sisa dengan kaedah pembakaran mahupun dengan penanaman sisa.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Untuk makluman, pada tahun 2014 jumlah kutipan sisa organik ialah sebanyak 30.939 tan. Iaitu sebanyak 26.76 tan di Taman Pandan, diikuti sebanyak 2.386 tan di Tanjung Indah dan di Park View pula ialah sebanyak 1.793 tan. Manakala sehingga Julai 2015, jumlah kutipan ialah sebanyak 12.947 tan. Iaitu sebanyak 10.242 tan di Taman Pandan,

1.395 tan di Tanjung Indah serta sebanyak 1.310 tan di Park View. Ini telah membantu MPSP untuk menjimatkan sejumlah kos pengurusan sisa pepejal disamping memastikan alam sekitar tidak tercemar dengan pembuangan sisa organik tersebut.

Pada hari ini juga, saya difahamkan Pusat Kitar Semula di Park View akan dirasmikan. Ini dapat membantu mengurangkan sampah dan mengruangkan pelepasan gas rumah hijau (*greenhouse gases*). Pelepasan gas rumah hijau dari sisa domestik dianggarkan sebanyak 5% dari semua gas yang dijanakan . Jumlah ini juga semakin meningkat kerana bertambahnya pengeluaran sisa. Tetapi terdapat kesukaran untuk mengukur sumbangan *Reduce* dan *Reuse* dalam hal ini. Oleh itu, pengurangan gas rumah hijau lebih difokuskan kepada pengurangan sisa organik ke tempat pelupusan sampah.

Walaubagaimana pun, pengeluaran gas rumah hijau boleh dikurangkan melalui program 4R iaitu *Rethink*, *Reduce*, *Reuse*, dan *Recycle*. Dan pada hari ini, Park View menunjukkan satu contoh yang baik untuk menyediakan Pusat Kitar Semula di kawasan mereka yang menyenangkan penduduk untuk mengumpul barang-barang kitar semula.

Hadirin yang dimuliakan,

Kita perlu bersama-sama menguruskan sisa organik dengan sebaik-baiknya seperti menjadikannya sebagai makanan ternakan, kompos dan biogas dengan kaedah yang betul. Kita mempunyai teknologi tinggi dan mampu mewujudkan undang-undang pengasingan sisa di punca namun tanpa kerjasama yang jitu daripada penduduk setempat maka program kita tidak akan berjaya. Pendedahan yang digunakan oleh MPSP melalui LA21 ialah bersifat tekno-sosial.

MPSP telah mengadakan kempen makan sampai habis / tidak membazir makanan atau *zero waste*. Adalah diharapkan ketiga perbadanan pengurusan dapat membantu mejayakan program ini. MPSP sentiasa memberi pendidikan kepada orang awam mengenai pengurusan sisa yang tidak teratur yang boleh menyebabkan kepada kesan pemanasan global terhadap bumi kita. Program kesedaran yang dijalankan merangkumi pelbagai peringkat yang bermula daripada sekolah tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, institusi pengajian tinggi dan peringkat komuniti. Program seperti ini diadakan setiap masa dengan purata 15 kali sebulan.

Selain itu, kita perlu bersama-sama berfikiran *Think Global, Act Local* supaya kita boleh melakukan sesuatu bagi mengurangkan kesan pemanasan global. Walaupun kita tidak dapat memberikan sumbangan yang besar kepada alam sekitar tetapi dengan penglibatan kita dalam mengurangkan sisa organik yang dihasilkan di rumah dan menjalankan kitar semula, sedikit sebanyak kita dapat membendung masalah yang terjadi.

Hadirin sekalian,

Akhir sekali, saya menyeru kepada pengurusan dan penduduk Park View, Taman Pandan serta Pangsa Tanjung Indah agar sentiasa memberi kerjasama, menyokong dan membantu pihak MPSP dalam pengurusan sisa organik bagi memastikan alam sekitar kita terpelihara untuk kita dan juga generasi masa depan.

Dengan ini, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.